



PELUANG KERJA BERSAMA JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG

DIPLOMA

KUMPULAN PELAKSANA PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA5 (CONTRACT OF SERVICE)

KEKOSONGAN

1





SYARAT KELAYAKAN MINIMUM:-

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur sekurang-kurangnya 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan tersebut.
3. Calon bagi lantikan jawatan ini **DIWAJIBKAN** untuk memiliki kelayakan yang berikut:-
 - Diploma Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Calon hendaklah berkemahiran dalam bidang komputer dan berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti.
6. Calon juga hendaklah berkebolehan memberi pendapat secara profesional, memberi khidmat nasihat serta mengemukakan hujah-hujah dengan baik.
7. Calon hendaklah mahir berkomunikasi secara lisan dan bertulis samada dalam Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris.
8. Mampu bekerjasama di dalam kumpulan dan menerima arahan dari masa ke semasa.

DESKRIPSI TUGAS PENOLONG JURUUKUR BAHAN / JA5:-

Bertanggungjawab mengendalikan pelaksanaan skop kerja ukur bahan berhubung pentadbiran kontrak termasuk menyediakan anggaran kos awal, membuat pengukuran kuantiti (*taking off*), menyediakan dokumen tender dan kontrak, menyedia perakuan bayaran interim, menyedia arahan perubahan kerja, perakuan akaun dan bayaran muktamad, mengemas kini sijil-sijil dan perakuan yang berkaitan dan menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.





PELUANG KERJA BERSAMA JABATAN KERJA RAYA NEGERI PAHANG

TERTAKLUK DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon yang berjaya memasuki skim perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada peraturan semasa Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

CATATAN AM

1. Kemukakan resume dan salinan dokumen serta sijil yang telah disahkan seperti berikut:-
 - Sekeping gambar terkini;
 - Transkrip Diploma;
 - Sijil SPM/SPMV/STPM;
 - Sijil Tamat Persekolahan serta sijil berkaitan; dan
 - Membawa hasil kerja yang pernah dilaksanakan ketika sesi temuduga.
2. Permohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas dua (2) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya;
3. Pemohon boleh terus menghantar permohonan kepada:-

**Unit Sumber Manusia,
Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
Tingkat 12, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota,
25582 KUANTAN**
4. Sebarang pertanyaan boleh hubungi 09-571 7000; dan
5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **8 Mei 2026 (JUMAAT)**.